

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

1. Senaraikan tempat-tempat pelancongan dan agro pelancongan di daerah Seberang Perai Selatan.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh dan mempromosi sektor ini?
 - (b) Berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk tujuan pelancongan mengikut daerah?
 - (c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri memastikan pembangunan pusat pelancongan seimbang, merangkumi semua daerah di Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Tempat-tempat pelancongan dan agro pelancongan di daerah Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut:
 - (i) Bukit Jawi Golf Resort;
 - (ii) Mountain View Golf Resort;
 - (iii) Design Village Outlet Mall;
 - (iv) Kampung Nelayan Pulau Aman;
 - (v) Hutan Lipur Cherok To' Kun;
 - (vi) Taman rekreasi: Hutan Lipur Cherok To' Kun;
 - (vii) Firefly Sanctuary;
 - (viii) Sungai Udang; dan
 - (ix) Sepanjang pantai Seberang Perai Selatan boleh menikmati hasil laut segar atau memancing.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) memberi tumpuan untuk memperkukuh dan mempromosikan sektor pelancongan serta agro-pelancongan di Seberang Perai Selatan (SPS), selaras dengan potensi kawasan tersebut yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, warisan budaya komuniti dan produk berasaskan laut. Usaha promosi ini dilaksanakan melalui kempen bertemakan *The Opposite Side of The Island – Seberang Perai*, yang menampilkan destinasi utama seperti Bukit Jawi Golf Resort, Mountain View Golf Resort, Design Village Outlet Mall, Pulau Aman, Firefly Sanctuary di Nibong Tebal dan Hutan Lipur Cherok To' Kun. Kempen ini digerakkan melalui platform media sosial, laman rasmi PGT serta kerjasama strategik bersama rakan industri.

Dalam memperkukuh sektor agro-pelancongan, Kerajaan Negeri turut merancang pelaksanaan pakej pelancongan berasaskan ladang dan hasil laut, termasuk lawatan ke kampung nelayan, aktiviti memancing serta pengalaman menikmati makanan laut segar. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada penglibatan langsung komuniti tempatan bagi memastikan manfaat ekonomi dapat disalurkan secara inklusif kepada nelayan dan petani setempat. Seiring dengan itu, aktiviti pelancongan alam seperti pemerhatian kelip-kelip turut dikawal selia berdasarkan prinsip kelestarian bagi memelihara ekosistem dan biodiversiti.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama *Think City* turut memperkukuh promosi pelancongan melalui penyediaan bahan promosi berbentuk buku, video dan brosur yang memfokuskan tarikan di Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan dalam aspek alam, warisan dan gastronomi. Promosi ini turut dipergiat melalui platform digital bagi menarik minat pelancong khususnya golongan muda dan pasaran serantau.

- (b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan secara khusus mengikut lokasi atau daerah.
- (c) Promosi pelancongan negeri dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu di bawah penyelarasan Penang

Global Tourism (PGT), dengan tumpuan kepada pengukuhan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. PGT melaksanakan strategi promosi berasaskan tema, produk dan pasaran sasaran, bukannya tertumpu kepada lokasi semata-mata.

Sebagai contoh, kempen promosi memberi penekanan kepada segmen pelancongan seperti pelancongan warisan, ekopelancongan, pelancongan komuniti dan agro, serta pelancongan kesihatan yang merangkumi semua daerah termasuk Seberang Perai. Pendekatan ini memastikan setiap destinasi dalam negeri menerima pendedahan yang seimbang, di samping memaksimumkan keberkesanan bajet promosi melalui pelaksanaan kempen digital, penyertaan dalam pameran pelancongan antarabangsa dan kerjasama dengan rakan industri seperti syarikat penerbangan, media serta mempengaruhi sosial.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

2. Nyatakan syarat untuk kelulusan operasi bagi premis yang memproses besi terpakai atau barang lusuh di Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan jumlah aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri berkaitan pengoperasian premis ini.
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan premis ini tidak menimbulkan gangguan seperti bising, bau busuk, habuk serta menggugat ketenteraman penduduk sekitar?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak BerkuasaTempatan untuk kelulusan operasi bagi premis yang memproses besi terpakai atau barang lusuh adalah seperti berikut :
 - (i) Hendaklah beroperasi di premis industri yang telah mempunyai kelulusan pelan berkaitan daripada PBT;
 - (ii) Mempunyai kelulusan lesen perniagaan PBT yang sah;
 - (iii) Aktiviti yang dijalankan hendaklah tidak menimbulkan isu kacau ganggu kepada penduduk tempatan dan alam sekitar;
 - (iv) Mematuhi syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat jabatan teknikal;

- (v) Mematuhi segala peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan Undang-undang Kecil PBT yang berkuat kuasa; dan
 - (vi) Mendapatkan permit daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan Akta Peniaga Sekenhend 1946 [AKTA 189];
- (a) Jumlah aduan yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui PBT adalah sebanyak 27 aduan. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH ADUAN
MBPP	21
MBSP	6
JUMLAH KESELURUHAN	27

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius terhadap isu gangguan seperti bising, bau busuk, habuk serta sebarang bentuk pencemaran yang boleh menggugat ketenteraman penduduk sekitar yang berpunca daripada aktiviti premis kitar semula, pemprosesan besi terpakai atau barangan lusuh yang tidak terkawal.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala untuk memastikan premis-premis tersebut mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT.

PBT boleh mengeluarkan kompaun ke atas operasi dan membatalkan lesen/permit jika perlu berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan Undang-undang Kecil PBT yang berkuat kuasa.

Pihak PDRM juga akan membuat rondaan secara berkala bagi memastikan tiada aktiviti haram atau gangguan daripada operasi premis barangan lusuh yang mengganggu ketenteraman penduduk sekitar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

3. Apakah status rumah Taman Sejahtera Rakyat Indera Timbalan di Kampung Kepala Gajah yang tidak dituntut oleh waris selepas kematian penghuni asal?
 - (a) Apakah cara pihak lain hendak memohon rumah yang tidak dituntut oleh waris?
 - (b) Apakah langkah kerajaan bagi memastikan rumah terbiar ini diselenggara dan tidak mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Taman Sejahtera Rakyat Indera Timbalan di Kampung Kepala Gajah merupakan kawasan perumahan kerajaan yang dibangunkan di bawah Program Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS). Bagi rumah di taman berkenaan yang tidak dituntut oleh waris selepas kematian penghuni asal, unit tersebut akan dikembalikan di bawah kawalan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk tujuan pengurusan lanjut. Rumah yang berkenaan boleh ditawarkan semula kepada penerima baharu yang layak, tertakluk kepada semakan dan kelulusan pihak berkuasa berkenaan.
 - (a) Cara lain untuk memohon rumah yang tidak dituntut oleh waris ialah pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan bertulis kepada Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Surat permohonan tersebut perlu

menyatakan tujuan permohonan, latar belakang pemohon serta justifikasi keperluan. Selain itu, pemohon juga dikehendaki melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan bagi melengkapkan urusan pentadbiran.

- (b) Bagi memastikan rumah yang terbiar tidak mendatangkan risiko atau ancaman kepada penduduk setempat, PDT akan melaksanakan pemeriksaan serta penyelenggaraan asas bagi memastikan keadaan rumah tersebut berada pada tahap selamat. Sekiranya didapati membahayakan, tindakan lanjut yang bersesuaian akan diambil mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

4. Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat, terutama di daerah Seberang Perai Selatan?
- (a) Senaraikan fasiliti sukan yang boleh digunakan oleh rakyat secara percuma.
 - (b) Sejauh manakah kerajaan merancang untuk membina kompleks sukan bagi kegunaan rakyat di DUN Sungai Bakap?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat selaras dengan agenda kesejahteraan rakyat dan pembangunan komuniti yang mampan. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Khidmat Parlimen/ ADUN dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti penyediaan kemudahan tempat sukan dan rekreasi yang mencukupi dan program kesihatan secara bersasar dalam komuniti. PDTSPS juga telah menaik taraf kemudahan sukan seperti padang awam, trek jogging, gelanggang bola keranjang, gelanggang sepak

takraw, lampu limbah, tandas dan peralatan taman permainan. Sebagai contoh adalah projek naik taraf Trek Joging Padang Awam Jawi, Seberang Perai Selatan bagi menggalakkan aktiviti riadah keluarga dan merupakan satu trek jogging di daerah ini.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan fasiliti sukan secara percuma bagi gelanggang sukan terbuka seperti gelanggang bola keranjang, gelanggang sepak takraw, futsal, gelanggang tenis, trek jogging dan padang awam.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa cakna mengenai keperluan merancang Kompleks Sukan Komuniti di kawasan DUN Sungai Bakap. Pada masa ini, cadangan pembinaan Kompleks Sukan Komuniti memerlukan kajian awal tapak dan analisa komuniti dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti kesesuaian lokasi yang memberi impak yang baik kepada masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

5. Senaraikan jumlah KAFA yang berpremisi dan tidak berpremisi di dalam DUN Sungai Bakap.
- (a) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dan bilik darjah, terutamanya KAFA yang tidak berpremisi atau menumpang premis lain?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Senarai premis KAFA di dalam DUN Sungai Bakap adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA KAFA	PREMIS
1	KAFA Sekolah Kebangsaan Tasek Permai	Sekolah Kebangsaan
2	Sekolah Agama Rakyat Maahadul Islami	Bangunan Sendiri
3	Sekolah Agama Rakyat Ad-Diniah	Bangunan Sendiri
4	Sekolah Agama Rakyat An-Nur	Bangunan Sendiri
5	KAFA Masjid Kampung Besar	Masjid
6	KAFA Masjid Sungai Kechil	Masjid

BIL.	NAMA KAFA	PREMIS
7	KAFA Surau Lebai Tahir	Surau
8	KAFA Surau Sungai Baong	Surau
9	Surau Kampung Lima Kongsu	Surau
10	KAFA Surau Haji Shafiee	Surau
11	KAFA Dewan Kompleks Penjara	Jabatan Penjara

- (a) Lantikan guru KAFA adalah tertakluk kepada kuota yang ditentukan di peringkat Persekutuan bagi setiap negeri. Pada tahun 2023, kuota yang diperuntukkan untuk Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 1,586 perjawatan. Namun pada tahun 2025 jumlah tersebut telah bertambah menjadikan kuota guru KAFA seramai 1,650 perjawatan. Pada masa ini, jumlah tersebut mampu menampung pengoperasian kelas-kelas KAFA di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

6. Apakah perancangan untuk menambah bilangan klinik kesihatan kerajaan di setiap daerah di Pulau Pinang?
- (a) Bilakah dijangkakan siap pembinaan klinik kesihatan di Bandar Tasek Mutiara? Senaraikan garis masa projek.
 - (b) Sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina hospital baru di daerah Seberang Perai Selatan bagi menampung pertambahan penduduk?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Bagi tahun 2026 hingga 2030, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah meletakkan perancangan bagi penambahan 6 Klinik Kesihatan di Negeri Pulau Pinang antaranya:

Daerah	Perancangan Penambahan Klinik Kesihatan
Timur Laut	Klinik Kesihatan Batu Ferringi
Barat Daya	Klinik Kesihatan Teluk Kumbar
	Klinik Kesihatan Batu Maung
Seberang Perai Utara	Klinik Kesihatan Bertam
Seberang Perai Selatan	Klinik Kesihatan Batu Kawan
	Klinik Kesihatan Bandar Cassia

- (a) Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara merupakan projek tender semula yang dijalankan oleh Kontraktor Marimas Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 11 November 2024 dan tarikh jangka siap adalah pada 12 September 2026. Kemajuan fizikal projek adalah 39.27% (Oktober 2025).
- (b) Sehingga kini, tiada perancangan pembinaan hospital baru di daerah Seberang Perai Selatan, namun terdapat perancangan untuk naik taraf Hospital Sungai Bakap.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

7. Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kesesakan jalan raya dan risiko kemalangan akibat pergerakan lori tanah yang kerap melalui kawasan kampung serta kawasan sekolah di daerah Nibong Tebal?
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan jadual masa operasi lori tanah terutama pada waktu puncak?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Bagi menangani masalah kesesakan jalan raya dan risiko kemalangan akibat pergerakan lori tanah yang kerap melalui kawasan kampung serta berhampiran kawasan sekolah di Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan syarat dalam kelulusan kerja tanah yang mewajibkan pemaju menyediakan pelan laluan lori tanah. Pelan laluan tersebut bertujuan untuk mengelakkan penggunaan laluan melalui kawasan sensitif dan penempatan padat. Pelan berkenaan juga perlu mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi penyelenggara jalan.

Manakala, beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh JKR bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:-

- (i) Mengehadkan penggunaan jalan oleh lori tanah kepada masa-masa tertentu serta menetapkan tempoh operasi lori supaya

tidak beroperasi pada waktu puncak yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meminimumkan risiko kemalangan;

- (ii) Menjalankan penyelarasan dengan pemohon Aktiviti Kerja Tanah, di mana pemohon diwajibkan mematuhi laluan yang telah ditetapkan serta memastikan lori berada dalam keadaan baik dan bersih sebelum meninggalkan tapak kerja; dan
- (iii) Menaik taraf dan membaik pulih kemudahan redaan trafik, termasuk pemasangan papan tanda amaran, papan tanda had laju, lampu amaran kuning (flashing amber light) dan jalur rentas kuning (yellow transverse bar) bagi memperlambatkan kelajuan kenderaan yang melalui kawasan sekolah.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah (BSPTD) Seberang Perai Selatan telah menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap lori tanah yang melanggar peraturan jalan raya di kawasan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Tindakan saman telah dikenakan ke atas pemandu yang gagal mematuhi peraturan jalan raya manakala tindakan lain turut diambil terhadap kenderaan yang tidak mematuhi syarat keselamatan dan spesifikasi teknikal termasuk penggunaan tayar botak, ketiadaan segi tiga keselamatan, ketiadaan alat pemadam api serta ketidakpatuhan-ketidakpatuhan lain yang boleh meningkatkan risiko kemalangan.

- (a) Kerajaan Negeri melalui JKR telah menetapkan Jadual Masa Operasi Lori Tanah seperti berikut:

Hari	Tempoh Masa yang Dibenarkan Beroperasi	Tempoh Larangan Masa yang Dibenarkan Beroperasi
Isnin sehingga Jumaat sahaja	9.00 pagi sehingga 5.00 petang	(i) 1.00 tengah hari sehingga 2.00 petang (ii) 5.00 petang sehingga 7.00 petang

Larangan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan murid sekolah serta kelancaran aliran trafik di kawasan terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

8. Nyatakan jenis bantuan yang diberikan kepada usahawan kecil dan penjaja tempatan, di bandar dan luar bandar, sejak tahun 2022 hingga kini.
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu golongan ini dalam menghadapi kos barangan yang semakin meningkat?
 - (b) Senaraikan bantuan yang boleh dimohon oleh usahawan kecil di daerah Seberang Perai Selatan.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan kelangsungan hidup dan kemajuan golongan usahawan kecil dan penjaja tempatan di bandar dan luar bandar, terutamanya dalam mendepani cabaran peningkatan kos barangan dan operasi. Bantuan yang telah dan sedang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan sejak tahun 2022 hingga kini, merangkumi insentif langsung dan sokongan pembangunan perniagaan adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	PELAKSANA/AGENSI	GOLONGAN SASARAN UTAMA
Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang	Kerajaan Negeri (Melalui Pihak Berkuasa Tempatan - PBT: MBPP & MBSP)	Penjaja dan Peniaga Berlesen.

JENIS BANTUAN	PELAKSANA/AGENSI	GOLONGAN SASARAN UTAMA
Bantuan Tunai/Insentif Khas	Kerajaan Negeri (Melalui PBT: MBPP & MBSP)	Penjaja dan Peniaga Berlesen.
Bantuan Modal Perniagaan (Zakat)	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Asnaf Fakir Miskin yang berpotensi menjadi usahawan.
Program Peningkatan Ekonomi (Bantuan Alatan)	Pejabat Daerah dan Tanah	Peniaga kecil yang berpendapatan rendah.

- (a) Antara langkah Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan kecil dan penjaja tempatan menghadapi kos barangan yang semakin meningkat adalah seperti berikut:
- (i) Penyaluran Bantuan Tunai: Melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang, penyaluran insentif tunai secara langsung (seperti RM500) kepada penjaja dan peniaga kecil adalah untuk meringankan beban kewangan serta kos operasi perniagaan, yang sebahagiannya terjejas akibat peningkatan kos barangan; dan
 - (ii) Sokongan Prasarana: Kerajaan Negeri, melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), terus menyediakan dan menyelenggara prasarana perniagaan seperti gerai dan pasar awam dengan kadar sewa atau caj yang berpatutan. Ini membantu mengurangkan kos operasi usahawan dan penjaja yang berlesen, berbanding dengan menyewa premis persendirian.
- (b) Senarai jenis bantuan dan skim pembiayaan utama yang boleh dimohon oleh usahawan kecil dan penjaja tempatan di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya yang beroperasi di peringkat negeri dan persekutuan adalah seperti berikut:

AGENSI/PROGRAM	JENIS BANTUAN	SASARAN UTAMA DI SPS
Pejabat Daerah dan Tanah	Program Peningkatan Ekonomi (Bantuan Alatan)	Peniaga kecil yang berpendapatan rendah.
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) - Zakat	Bantuan Modal Perniagaan Zakat: Bantuan kewangan untuk memulakan atau memajukan perniagaan.	Asnaf Fakir Miskin yang berpotensi menjadi usahawan di seluruh Pulau Pinang, termasuk SPS.
Penang Halal International (PHI)	Program Pembangunan Usahawan Digital: Kursus/latihan (contohnya, e-Commerce Made Easy @ Shopee/foodpanda) dan sokongan untuk memasuki pasaran digital.	Usahawan, penjaja kecil, dan koperasi Daerah Seberang Perai Selatan.
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Program Pembangunan Ekonomi: Pelbagai program keusahawanan, bantuan penyediaan premis/infrastruktur, dan latihan kemahiran (contohnya Program Rural Apprentice Entrepreneurship - PREP).	Usahawan kecil dan peniaga luar bandar/desa, termasuk di SPS.
MARA (Majlis Amanah Rakyat)	Pembiayaan Perniagaan dan Latihan: Skim pinjaman/pembiayaan perniagaan, kursus	Usahawan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera.

	keusahawanan, dan bantuan pembangunan. (MARA merupakan agensi yang sering bekerjasama dalam program keusahawanan di peringkat daerah).	
--	--	--

Bantuan Sokongan Pemasaran dan Infrastruktur

AGENSI/PROGRAM	JENIS BANTUAN	SASARAN UTAMA DI SPS
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Pemasaran Produk Agro-Makanan: Sokongan pemasaran melalui Pasar Tani dan pelbagai program pembangunan keusahawanan tani, termasuk perkhidmatan daripada Pejabat FAMA Daerah Seberang Perai Selatan.	Usahawan pertanian, penternakan, dan makanan (agro-makanan).
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Infrastruktur dan Lesen: Penyediaan gerai dan premis perniagaan berlesen dengan kadar sewa yang berpatutan, serta bantuan insentif khas dari Kerajaan Negeri (cth. Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang).	Penjaja dan peniaga kecil berlesen di bawah bidang kuasa MBSP (merangkumi SPS).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

9. Senaraikan jumlah, lokasi serta status lesen premis kuari yang masih aktif beroperasi di Seberang Perai Selatan.
 - (a) Apakah pemantauan berkala yang dilakukan bagi memastikan operasi kuari mematuhi syarat-syarat alam sekitar dan keselamatan?
 - (b) Apakah terdapat perancangan untuk menghadkan atau menstruktur semula operasi kuari bagi mengurangkan impak terhadap penduduk setempat dan alam sekitar?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Menurut rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG), terdapat empat (4) kuari yang sedang aktif beroperasi di Seberang Perai Selatan yang mana satu (1) daripadanya diluluskan Permit 4C bagi lot-lot tanah yang tertakluk kepada Seksyen 71 Kanun Tanah Negara. Tiga (3) tapak kuari yang selebihnya tidak tertakluk kepada peruntukan undang-undang ini kerana berstatus *First Grade* atau *Condition A* atau *Condition B*. Senarai adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Status Permit
1	Pemilik: Asas Dunia Berhad Operator: Andesite Quarry Sdn. Bhd. Lot 817, 818, 1104 dan 1105, Mukim 4, Seberang Perai Selatan.	Permit 4C Aktif
	Lot 954, 961, 171, 179, Mukim 4, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus Condition B
2	Pemilik: Welepeq Sdn. Bhd. Operator: Hanson Quarry Sdn. Bhd. Lot 40, 41, 129, 134, 135, 169, 170, 171, 213 dan 267, Mukim 3, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus Condition A / B
3	Pemilik: Welepeq Sdn. Bhd. Operator: Hanson Quarry Sdn. Bhd. Lot 488, Jalan Lima Kongs, Mukim 4, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade
4	Pemilik: Pakatan Protim Properties Sdn. Bhd. Operator: CMAPx Aggregates Sdn. Bhd. Lot 407, 408, 409, Mukim 14, Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade

	Pemilik: Sterling Consortium (M) Sdn. Bhd. Operator: CMAPx Aggregates Sdn. Bhd. Lot 412, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan	Tidak dikenakan Permit 4C kerana tanah berstatus First Grade
--	--	--

- (a) Pemantauan operasi kuari dilaksanakan secara bersepadu oleh Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta jabatan teknikal berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui lawatan tapak berkala bagi memastikan pematuhan kepada syarat yang ditetapkan. Pengusaha kuari wajib memaklumkan kepada Pentadbir Tanah sebelum memulakan kerja pencabutan bahan batuan mengikut Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021.

Selain itu, JMG melalui Inspektor Kuari Kanan turut menjalankan pemantauan berkala meliputi aspek kerja peletupan, pelepasan efluen, keselamatan operasi, serta kawalan hakisan dan kelodak. Selain itu, kuari di Seberang Perai Selatan terlibat dalam program penarafan kemampuan menggunakan kaedah *Sustainable Development Indicator (SDI)* sepanjang RMKe-12.

- (b) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengenakan had terhadap operasi kuari bagi mengurangkan impak kepada penduduk dan alam sekitar. Namun begitu, setiap permohonan pengkuarian tertakluk kepada syarat jabatan teknikal berkaitan seperti PBT, JAS, JMG, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan keselamatan operasi serta perlindungan alam sekitar dan kebajikan penduduk terjamin.

Selain itu, menurut JMG, semua operasi kuari diluluskan berdasarkan laporan skim kuari yang disediakan oleh Jurutera Perunding Profesional Perlombongan/Sumber Mineral yang berdaftar serta mendapat kelulusan agensi teknikal. Sekiranya terdapat impak ketara kepada alam sekitar atau penduduk, penstrukturan semula atau had

operasi boleh dipertimbangkan melalui semakan semula laporan skim kuari, yang perlu diluluskan oleh Inspektor Kuari Kanan sebelum Lesen Operasi Kuari dikeluarkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

10. Apakah tindakan penguatkuasaan terhadap lori membawa muatan berlebihan sehingga merosakkan jalan raya dan mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain?
- (a) Apakah kerosakan jalan raya akibat lori tanah akan ditanggung kerajaan atau pemaju / kontraktor yang bertanggungjawab?
 - (b) Senaraikan aduan kerosakan jalan raya yang disebabkan lori muatan berlebihan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Sepanjang tahun 2025, pelbagai tindakan penguatkuasaan telah dijalankan oleh pihak berkuasa bagi menangani isu kenderaan perdagangan, khususnya lori yang membawa muatan berlebihan.

Antara tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah:

- (i) Pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) telah melaksanakan Ops Perdagangan ke atas kenderaan perdagangan seperti moto lori, bas dan lain-lain kenderaan berat, dengan pengeluaran saman terhadap pelbagai kesalahan termasuk membawa muatan berlebihan atau berbahaya, menggunakan tayar botak, tidak membawa alat pemadam api, tiada alat segitiga

keselamatan serta berpakaian tidak kemas semasa bertugas;

- (ii) JSPT juga bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk membawa kenderaan yang disyaki membawa muatan berlebihan ke Stesen Timbang JPJ Valdor (SPS) dan Stesen Timbang JPJ Penaga (SPU) bagi tindakan lanjut di bawah Seksyen 57(1)(b)(vi) dan Seksyen 82(1) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010;
- (iii) Pihak JPJ turut melaksanakan dua (2) operasi utama, iaitu Ops Gempur Kenderaan Perdagangan yang berlangsung dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2025, serta Ops Perang Lebih Muatan yang dijalankan dari 14 Oktober hingga 31 Disember 2025. Kedua-dua operasi ini dilaksanakan lebih 16 jam setiap hari dengan tumpuan khusus kepada kenderaan perdagangan berat; dan
- (iv) Sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2025, JPJ telah menyita sebanyak 199 buah kenderaan berat yang didapati melebihi had muatan yang ditetapkan di bawah Seksyen 80(1), selain mengeluarkan sebanyak 20,349 saman atas pelbagai kesalahan melibatkan kenderaan perdagangan.

Langkah-langkah penguatkuasaan berterusan ini dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya serta memelihara integriti infrastruktur jalan.

- (a) Sekiranya berlaku kerosakan jalan raya akibat pergerakan lori tanah yang melaksanakan kerja di tapak, pemaju atau kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaiki kerosakan tersebut sebagaimana yang disyaratkan dalam kelulusan Pelan Kerja Tanah (PKT). Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berhak mengarahkan kerja-kerja di tapak dihentikan serta-merta sekiranya pemaju atau kontraktor gagal mematuhi arahan pembaikan yang diberikan, dan kerja hanya boleh disambung semula setelah pihak

berkuasa berpuas hati dengan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan.

Pemaju diwajibkan membaiki sebarang kerosakan serta melaksanakan langkah kawalan keselamatan dan kebersihan jalan, termasuk penyediaan papan tanda amaran, pembersihan jalan, dan penyelenggaraan berkala sepanjang tempoh kerja tanah dijalankan.

Manakala bagi laluan yang melalui jalan di bawah seliaan JKR, permit laluan kerja tanah hendaklah diperoleh daripada JKR dan wang cagaran akan dikenakan sebagai jaminan bagi kerja-kerja pemulihan sekiranya berlaku kerosakan pada jalan awam.

Namun, bagi jalan di luar had penyenggaraan pemaju, segala kerja pembaikan akan ditanggung oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh pihak JKR sebagai agensi penyelenggara jalan.

- (b) Sehingga bulan Oktober 2025, tiada aduan kerosakan jalan raya yang disebabkan lori muatan berlebihan diterima oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada melalui JKR, MBPP dan MBSP.

Secara umum, antara jenis kerosakan jalan raya yang lazim berlaku akibat penggunaan lori bermuatan berlebihan termasuklah:

- (i) Jalan berlubang (potholes);
- (ii) Jalan mendap atau beralun (rutting/corrugation);
- (iii) Jalan retak dan pecah (crocodile cracks);
- (iv) Kerosakan pada longkang dan bahu jalan (shoulder damage); dan
- (v) Kemerosotan jangka hayat struktur jalan dan jambatan.

Walau bagaimanapun, setakat ini keadaan jalan di kawasan terlibat adalah terkawal dan tiada aduan berkaitan kerosakan akibat lori bermuatan berlebihan dilaporkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

11. Berapakah jumlah pesakit kanser yang berpunca daripada rokok dan *vape* di Pulau Pinang dari tahun 2022 hingga kini?
- (a) Berapakah anggaran kos rawatan seorang pesakit kanser akibat rokok?
 - (b) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk merawat pesakit kanser ini dalam masa setahun, dari tahun 2022 hingga kini?
 - (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal isu ini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) buat masa ini tidak mempunyai data rasmi bagi jumlah pesakit kanser yang berpunca daripada rokok dan *vape* di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, berdasarkan data global serta Laporan Kanser Registri Kebangsaan Malaysia 2017 - 2021 menunjukkan kanser paru-paru kekal sebagai antara lima kanser utama di Malaysia dan mempunyai perkaitan rapat dengan tabiat merokok.
- (a) Menurut Laporan Kos Langsung Penjagaan Kesihatan Bagi Penyakit Tidak Berjangkit di Malaysia (*The Direct Health-Care Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia*) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), perbelanjaan

hospital bagi rawatan kanser berjumlah RM980.8 juta pada tahun 2017, dengan kos purata sebanyak RM7,087.00 bagi setiap episod rawatan kanser di hospital.

- (b) JKNPP juga tidak mempunyai data rasmi peruntukan yang dibelanjakan untuk merawat pesakit kanser akibat daripada merokok dan *vape* sejak tahun 2022 dan sehingga kini.
- (c) KKM telah mewarta Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) iaitu dengan mewajibkan penjualan rokok dan *vape* disimpan secara tertutup di dalam kabinet, tidak dibenarkan dipamerkan secara terbuka di kaunter atau rak jualan mulai 1 April 2025. Tujuannya adalah untuk mengurangkan akses mudah kepada produk ini, terutama bagi golongan muda dan mengawal tabiat merokok demi kesihatan awam.

Manakala bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merujuk keputusan MMK Bil 13/2025 pada 30 April 2025 dan disahkan pada tarikh yang sama, Kerajaan Negeri menetapkan pendirian untuk tidak menggalakkan penjualan bahan merokok, khususnya rokok elektronik dan *vape*, selaras dengan usaha melindungi kesihatan awam. Mengenai larangan *vape* dan rokok elektronik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengikuti keputusan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

12. Apakah jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan di bawah TPM80PP sejak penubuhannya?
- (a) Berapa banyak projek yang telah disiapkan?
 - (b) Apakah jenis kerja penyelenggaraan yang paling banyak dilaksanakan di bawah program ini?
 - (c) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan keberkesanan dan ketelusan dalam pelaksanaan projek-projek TPM80PP?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sejak tahun 2013 sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM96,909,090.89 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Enam Juta Sembilan Ratus Sembilan Ribu Sembilan Puluh dan Lapan Puluh Sembilan Sen Sahaja) di bawah Program Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) yang melibatkan sebanyak 527 buah projek.
- (a) Daripada keseluruhan 527 buah projek yang telah diluluskan, sebanyak 489 buah projek telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM88,526,976.04 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan Juta Lima Ratus Dua Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Enam dan Empat Sen Sahaja). Baki projek

yang belum dilaksanakan adalah disebabkan oleh kegagalan pihak *Joint Management Body* (JMB)/*Management Committee* (MC) untuk mengemukakan baki bayaran sebanyak 20% dalam tempoh yang ditetapkan.

- (b) Komponen kerja penyelenggaraan tertinggi yang dilaksanakan di bawah Program TPM80PP adalah kerja-kerja menaik taraf dan menggantikan lif baharu.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa melaksanakan pemantauan berkala ke atas setiap projek yang berkenaan bersama pihak kontraktor dan JMB/MC. Selain itu, semua kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi teknikal dan skop kerja yang telah diluluskan sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

13. Senaraikan rumah atau bangunan warisan yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Adakah sebarang skim insentif, geran atau pengecualian cukai ditawarkan kepada pemilik hartanah warisan untuk mengekalkan warisan ini?
 - (b) Apakah usaha mengenal pasti bangunan warisan yang masih belum diiktiraf oleh Kerajaan Negeri?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Senarai bangunan di Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan / Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah melaksanakan Program Insentif Pembaikan, Pemuliharaan dan Menaiktaraf Bangunan Warisan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai langkah strategik untuk melestarikan warisan seni bina, nilai sejarah dan identiti budaya tempatan. Program ini merangkumi dua (2) kategori insentif iaitu Kategori I dengan peruntukan maksimum RM200,000.00 bagi setiap permohonan, dan Kategori II dengan peruntukan maksimum RM50,000.00 bagi setiap permohonan.

Sehingga kini, 52 bangunan warisan Kategori I telah dipulihara dengan jumlah keseluruhan peruntukan RM11,068,513.28, manakala 312 bangunan warisan Kategori II telah dipulihara dengan jumlah keseluruhan peruntukan RM7,500,000.00.

Selain itu, GTWHI turut melaksanakan *Program George Town Heritage Habitat Seed Fund* bagi membantu pemilik bangunan warisan yang disewakan untuk jangka masa panjang menjalankan kerja baik pulih dan pemuliharaan. Melalui program ini, enam (6) buah bangunan iaitu No. 23 Lebuh Queen, No. 25 Lebuh Queen, No. 41 Lebuh Bishop, No. 42A Lebuh Bishop, No. 1 Lorong Muda dan No. 5 Lebuh King telah berjaya dipulihkan sepenuhnya pada tahun 2024.

GTWHI juga telah melaksanakan *Program George Town in The New Normal* yang menyediakan bantuan kewangan bayaran balik *one-off* sehingga RM1,500.00 bagi pemilik atau penyewa bangunan warisan Kategori I dan Kategori II untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan kecil bangunan warisan. Inisiatif ini memberi sokongan segera kepada pemilik bangunan untuk mengekalkan keadaan fizikal struktur bangunan warisan.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri sedang mengemaskini inventori bangunan-bangunan yang berpotensi warisan di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI BANGUNAN DI NEGERI PULAU PINANG YANG TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI WARISAN KEBANGSAAN/ WARISAN DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)

BIL.	ITEM	KATEGORI	LOKASI
1.	Gereja St. George	Warisan Kebangsaan	No.1, Lebuhr Farquhar George Town Pulau Pinang
2.	Masjid Melayu Leboh Acheh	Warisan Kebangsaan	Lebuhr Acheh George Town 10200 Pulau Pinang
3.	Masjid Kapitan Keling	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Kapitan Keling George Town 10200 Pulau Pinang
4.	Leong San Tong Khoo Kongsi	Warisan Kebangsaan	18, Lebuhr Cannon George Town 10200 Pulau Pinang
5.	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang	Warisan Kebangsaan	Lebuhr Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
6.	Penang Free School	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Negeri 11600 Jelutong Pulau Pinang
7.	Bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang	Warisan	Lebuhr Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
8.	Bangunan Municipal (Dewan Bandaran Pulau Pinang)	Warisan	Jalan Padang Kota Lama George Town 10200 Pulau Pinang
9.	Menara Jam Besar	Warisan	Lebuhr Light, George Town 10450 Pulau Pinang
10.	Makam Sheikh Omar	Warisan	Jalan Kampung Melayu Kampung Melayu Ayer Itam 11500 Pulau Pinang
11.	Tapak Arkeologi Guar Kepah	Warisan	Lot 3471, PT. 23, Mukim 2, Seberang Perai Utara, Penaga, Malaysia

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

14. Senaraikan *hotspot* banjir kilat mengikut daerah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah punca utama banjir kilat yang berlaku terutamanya di kawasan bandar di Pulau Pinang?
- (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini serta mengurangkan kesannya terhadap rakyat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Senarai *hotspot* banjir kilat mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti di **JADUAL 1**:

**JADUAL 1: SENARAI *HOTSPOT* BANJIR KILAT DI PULAU
PINANG MENGIKUT DAERAH**

BIL.	<i>HOTSPOT</i> BANJIR KILAT	DAERAH
1	Jalan P. Ramlee	Timur Laut
2	Lilitan Stadium (Astaka Makan)	
3	Lintang P. Ramlee	
4	Kem Askar Batu Uban	
5	Kampung Batu Uban	
6	Kampung Mutiara/Kampung Kubur	
7	Persimpangan Jalan Kampung Relau (Alora Hostel)	
8	Relau (Desa May)	

BIL.	HOTSPOT BANJIR KILAT	DAERAH
9	Jalan Paya Terubong (Sekolah Kebangsaan Seri Relau)/Persiaran Paya Terubong 5	Timur Laut
10	Pangsapuri Pelangi	
11	Kampung Nelayan	
12	Kampung Paya	Barat Daya
13	Kampung Matahari Naik	
14	Kampung Masjid	
15	Jalan Mahsuri (Sunshine Bayan Baru)	
16	Jalan Mayang Pasir 2 (Hotel Seri Malaysia dan Masjid Umar Ibnu Al-Khattab)	
17	Jalan Mayang Pasir	
18	Persiaran Mahsuri	
19	Kampung Padang/Jalan Mahkamah	
20	Kampung Seronok	
21	Jalan Dato' Ismail Hashim (hadapan Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana)	
22	Kampung Naran	
23	Taman Iping	
24	Kampung Tok Sani	
25	Kampung Labuh Banting	
26	Kampung Alor Merah	
27	Kampung Lahar Yooi	
28	Kampung Tok Jawa	
29	Kampung Lahar Ikan Mati	
30	Kampung Kubu	Seberang Perai Tengah
31	Kampung Terus	
32	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)/Jalan Jelawat	
33	Kampung Mengkuang Titi	
34	Kampung Kuala Mengkuang	
35	Kampung Permatang Rawa	
36	Taman Guru	
37	Taman Kota Permai	
38	Taman Sejahtera	
39	Jalan Bukit Minyak (hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Alma)	

BIL.	HOTSPOT BANJIR KILAT	DAERAH
40	Taman Sukun	Seberang Perai Tengah
41	Taman Sukun Indah	
42	Taman Seri Impian	
43	Taman Markisah	
44	Taman Perusahaan Usaha Jaya	
45	Kawasan Perindustrian Ringan Permatang Tinggi (Jalan Pala)	
46	Taman Impian Indah	
47	Taman Impian Ria	
48	Kampung Sethu	Seberang Perai Selatan
49	Taman Jawi Jaya	
50	Kampung Titi Hitam	
51	Kampung Sungai Kechil	
52	Taman Veerapen	
53	Kampung Lima Kongsi	

- (a) Antara punca utama banjir kilat yang seringkali berlaku adalah disebabkan oleh keamatan hujan yang tinggi dan berterusan untuk tempoh yang lama, air laut pasang, sistem perparitan dalaman, longkang tersumbat dan air sungai melimpah.
- (b) Dalam usaha menyelesaikan isu banjir kilat serta mengurangkan kesannya terhadap rakyat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB);
 - (ii) Penyelenggaraan sistem saliran sedia ada;
 - (iii) Pemasangan dan pengoperasian pam bergerak; dan
 - (iv) Pemasangan sistem pemantauan dan amaran awal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

15. Senaraikan agensi-agensi yang terlibat untuk kelulusan sebuah projek perumahan baru.
- (a) Apakah kriteria-kriteria yang diperlukan sebelum sesebuah projek perumahan baru diluluskan?
 - (b) Adakah agensi yang terlibat memastikan utiliti seperti air dan elektrik mencukupi untuk projek baru dan perumahan sedia ada sebelum memberi kelulusan?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Terdapat sebanyak 15 buah agensi yang akan terlibat untuk kelulusan sesebuah projek perumahan baharu iaitu seperti berikut:
- (i) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);

Meluluskan Pelan Kebenaran Merancang (PKM), Pelan Bangunan (PB) dan Pelan-pelan Kejuruteraan. Kelulusan pelan-pelan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi mengikut keperluan perundangan berkaitan.

Walau bagaimanapun, sebelum PBT meluluskan projek pembangunan perumahan atau projek-projek Pembangunan lain, PBT perlu mendapat ulasan dan

pandangan teknikal yang berkaitan dengan bidang kuasa dan perundangan jabatan berkaitan. Jabatan tersebut adalah seperti di nombor ii sehingga xv iaitu:

- (ii) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang;
 - (iv) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang;
 - (v) Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang;
 - (vi) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP);
 - (vii) Indah Water Konsortium (IWK);
 - (viii) Tenaga Nasional Berhad (TNB);
 - (ix) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Pulau Pinang;
 - (x) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang;
 - (xi) Tentera Udara Diraja Malaysia – Jika berkaitan;
 - (xii) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);
 - (xiii) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Pulau Pinang – Jika berkaitan;
 - (xiv) Pejabat Daerah dan Tanah - Daerah Timur Laut (DTL), Daerah Barat Daya (DBD), Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS); dan
 - (xv) Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang.
- (a) Bagi projek pembangunan baharu, sebelum meluluskan sesebuah pembangunan perumahan, PBT perlu memastikan beberapa perkara penting mengikut peruntukan undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dan peruntukan-peruntukan perundangan lain yang berkaitan. Ini bertujuan untuk memastikan pembangunan tersebut

selamat, lestari dan sesuai dengan keperluan komuniti setempat.

Apabila sesuatu permohonan Kebenaran Merancang (KM) dikemukakan kepada PBT bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan baharu, terdapat beberapa perkara utama yang perlu dipastikan oleh PBT sebelum meluluskan permohonan tersebut, antaranya adalah:

Pematuhan terhadap Rancangan Pemajuan;

- (i) Pematuhan terhadap Jenis Aktiviti yang dibenarkan di dalam Zon Guna Tanah di bawah Rancangan Pemajuan (Rancangan Tempatan/Rancangan Struktur) dan Susun Atur Pembangunan;
- (ii) Kesesuaian tapak dan pemeliharaan topografi dan alam semula jadi;
- (iii) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA);
- (iv) Penilaian Impak Trafik (TIA);
- (v) Penilaian Impak Sosial (SIA);
- (vi) Kestabilan tanah;
- (vii) Kemudahan asas dan infrastruktur;
- (viii) Sistem saliran dan perparitan;
- (ix) Kemudahan awam;
- (x) Sistem keselamatan kebakaran; dan
- (xi) Aspek teknikal dan keselamatan

Aspek-aspek lain yang berkaitan adalah mengikut kesesuaian projek pembangunan tersebut. Pertimbangan terhadap permohonan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC). Jika diluluskan, semua kriteria ini akan dipastikan dipatuhi oleh pihak pemaju semasa di peringkat kelulusan pelan. Seterusnya, perakuan dan pematuhan oleh pihak

pemaju semasa di peringkat pembinaan sebelum Sijil Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC) didepositkan kepada PBT.

- (b) Pihak pemaju diwajibkan mendapatkan perakuan daripada semua agensi penyedia utiliti utama sebelum sesuatu projek pembangunan dapat diluluskan sepenuhnya. Antara agensi yang terlibat ialah TNB, PBAPP, IWK dan SKMM.

Bagi tujuan tersebut, pihak pemaju hendaklah menyediakan dan melaksanakan kemudahan utiliti mengikut spesifikasi teknikal, piawaian keselamatan serta keperluan khusus setiap agensi utiliti berkenaan. Pelan utiliti yang lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan dan ditunjukkan di dalam PKM dan PB sebelum diluluskan oleh PBT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

16. Senaraikan bilangan kes keganasan rumah tangga akibat pengaruh alkohol, dari tahun 2022 hingga kini, mengikut kaum dan daerah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah ini?
 - (b) Senaraikan pusat pemulihan golongan ketagihan alkohol mengikut daerah.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Statistik kes keganasan rumah tangga akibat pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga September 2025 mengikut pecahan kaum dan daerah di Pulau Pinang berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan tidak melihat isu rumah tangga hanya daripada sudut penyalahgunaan alkohol semata-mata. Pendekatan kami bersifat menyeluruh untuk mengurangkan masalah ini secara keseluruhan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Dasar Keluarga Selamat pada tahun 2020 sebagai langkah utama memperkukuh institusi kekeluargaan. Susulan itu, kita menubuhkan First Support Point (FSP) bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga

mendapatkan sokongan awal dan rujukan intervensi dengan segera.

Selain itu, setiap tahun kita juga menganjurkan kempen *Penang Goes Orange*, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk keganasan terhadap wanita, serta memperkukuh mesej bahawa keselamatan dan kesejahteraan keluarga adalah tanggungjawab bersama.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah aspek penguatkuasaan dan promosi perundangan Akta 521 (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994). Antara usaha yang dijalankan termasuk mempergiatkan hebahan mengenai saluran aduan serta prosedur mendapatkan perintah perlindungan di bawah akta tersebut. Penerangan berhubung tatacara perintah perlindungan turut diberikan kepada pegawai barisan hadapan seperti anggota PDRM, pemimpin komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan tindakan segera dan berkesan dapat diambil terhadap setiap laporan keganasan rumah tangga.

Selain itu, JKM turut menyediakan sokongan perlindungan dan pemulihan kepada mangsa melalui kerjasama dengan rumah perlindungan (tempat selamat) di seluruh negeri. Antara bentuk bantuan yang disediakan termasuk perlindungan sementara, bantuan psikologi, kaunseling trauma serta bantuan kebajikan bagi memastikan proses pemulihan mangsa dilaksanakan secara holistik dan berkesan.

Pihak Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Women's Centre for Change (WCC) di bahagian pulau serta mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita Pulau Pinang (PPW) di kawasan Seberang Perai bagi memperluas capaian perkhidmatan kepada golongan wanita yang memerlukan bantuan di bahagian seberang. Kedua-dua pertubuhan ini berperanan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat melalui ceramah

dan program, serta menyediakan khidmat kaunseling, sokongan emosi dan bantuan perundangan kepada mangsa yang terlibat dengan isu keganasan atau masalah sosial.

- (b) Rawatan ketagihan alkohol di fasiliti kesihatan kerajaan adalah di bawah Jabatan Psikiatri *Addiction Psychiatry* dengan membekalkan ubat tertentu bagi merawat ketagihan. Namun demikian, hospital di Pulau Pinang tidak mempunyai Pakar Psikiatri dengan subkepakaran *Addiction Psychiatry*. Justeru itu, golongan ketagihan alkohol yang mendapatkan rawatan di klinik psikiatri di hospital kerajaan kebiasaannya diberi sesi kaunseling dan rawatan untuk *underlying cause of addiction* tanpa ubat khusus yang merawat ketagihan kerana ketiadaan pakar yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan saringan dan intervensi bagi masalah penggunaan alkohol.

Selain itu, program *One Stop Centre for Addiction (OSCA)* diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pusat sehati bagi rawatan dan sokongan kepada individu yang mengalami masalah penyalahgunaan bahan terlarang termasuk alkohol. Program ini dilaksanakan di klinik kesihatan terpilih termasuk Klinik Kesihatan Butterworth di Pulau Pinang melalui pendekatan bersepadu oleh pasukan kesihatan multidisiplin. Perkhidmatannya merangkumi saringan, kaunseling, rawatan perubatan, intervensi ringkas serta rujukan kepada pusat pemulihan atau pakar. OSCA bertujuan meningkatkan akses kepada rawatan ketagihan dan mengurangkan stigma terhadap pesakit.

LAMPIRAN A**STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA AKIBAT PENGARUH ALKOHOL
TAHUNAN (2022-SEPTEMBER 2025) MENGIKUT PECAHAN KAUM**

PECAHAN KAUM	2022	2023	2024	2025 (Sehingga September)	JUMLAH KES
MELAYU	3	2	4	1	10
CINA	6	1	1	2	10
INDIA	24	29	17	5	75
LAIN-LAIN	-	3	5	3	11
JUMLAH KESELURUHAN	33	35	27	11	106

**STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA AKIBAT PENGARUH ALKOHOL
TAHUNAN (2022-SEPTEMBER 2025) MENGIKUT PECAHAN DAERAH**

DAERAH	2022	2023	2024	2025 (Sehingga September)	JUMLAH KES
TIMUR LAUT	12	16	11	5	44
BARAT DAYA	5	4	-	3	12
SEBERANG PERAI UTARA	7	7	7	1	22
SEBERANG PERAI TENGAH	4	4	3	1	12
SEBERANG PERAI SELATAN	5	4	6	1	16
JUMLAH KESELURUHAN	33	35	27	11	106

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

17. Apakah tahap kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam menghadapi fenomena La Nina lemah 2025 / 2026?
- (a) Apakah unjuran episod hujan lebat dan lokasi hotspot banjir yang dikenal pasti?
 - (b) Bagaimanakah sumber serta aset tindak balas pantas PBT dan JPS disusun?
 - (c) Apakah mekanisme amaran awal berasaskan komuniti yang diguna pakai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri telah memperkukuh pelan tindakan kesiapsiagaan dengan kerjasama Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan serta Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan bencana dari segi pemantauan dan mengemas kini kawasan berisiko, pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi, melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai bencana terhadap masyarakat, menyediakan inventori logistik yang lengkap untuk tindak balas bencana serta mengemas kini pelan komunikasi dan koordinasi tindak balas bencana. Antara program yang telah dilaksanakan

untuk memastikan tahap kesiapsagaan Kerajaan Negeri baik adalah:

(i) Memantau dan mengemas kini amaran awal dan kawasan berisiko

Jabatan Meteorologi Malaysia atau MET Malaysia Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau keadaan ramalan cuaca manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau paras air di sungai dan saliran terutama kawasan berisiko tinggi atau hotspots. Berdasarkan data semasa, terdapat 53 hotspots yang telah dikenal pasti di mana kawasan-kawasan ini mengalami banjir tiga (3) atau lebih dalam setahun.

(ii) Pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi

Kerajaan melaksanakan bengkel operasi bencana untuk meningkatkan kefahaman anggota terutamanya dalam agensi tindak balas supaya setiap anggota tahu tindakan yang perlu diambil sekiranya kesan fenomena La Nina berlaku di Negeri Pulau Pinang.

(iii) Melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap masyarakat

Kerajaan Negeri turut turun padang mengadakan kempen kesedaran dan kefahaman terhadap pelbagai peringkat masyarakat untuk menguar-uarkan maklumat mengenai Kesan fenomena La Nina. Pada 30 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah mengadakan taklimat persediaan bencana kepada agensi-agensi Kerajaan, Persatuan Bukan Kerajaan (NGO), MPKK serta pelajar sekolah menengah dan IPTA di seluruh negeri Pulau Pinang bersempena sambutan Bulan Kesiapsagaan Nasional Peringkat Negeri Pulau Pinang.

(iv) Menyediakan dan mengemas kini inventori logistik yang lengkap

Bagi memastikan aspek logistik dan penempatan mangsa bencana berjalan lancar, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebanyak 298 buah Pusat Penempatan Sementara (PPS) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Penyelenggaraan PPS yang telah dikenal pasti telah dibuat sebelum tiba musim Monsun Timur Laut 2025/2026 (MTL 2025/2026). Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menaik taraf infrastruktur Bilik Gerakan Negeri kepada Pusat Kawalan Bencana Negeri atau State Disaster Command Centre (SDCC) dan telah siap sepenuhnya pada Jun 2025. SDCC berfungsi untuk:

1. Menyelaras pengumpulan, penilaian dan penyebaran maklumat bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).
2. Menyelaras tindakan operasi lapangan, termasuk bantuan logistik, aset dan sumber manusia antara agensi teknikal seperti APM, JPS, JKR, PDRM, JBPM dan lain-lain.
3. Menjadi pusat rujukan utama data situasi bencana yang diterima dari Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) seluruh negeri.
4. Menyediakan laporan status bencana negeri secara masa nyata untuk tindakan segera oleh Pengerusi JPBN dan pihak pengurusan tertinggi negeri.

Bagi menghadapi Musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026, SDCC berada dalam keadaan kesiapsiagaan penuh, termasuk:

1. Penyediaan sistem komunikasi dan maklumat (dashboard bencana, pangkalan data, dan talian khas SDCC).
2. Pengujian semula peralatan ICT, sistem penjana kuasa sandaran dan rangkaian komunikasi dalaman.

3. Penyelarasan jadual bertugas pegawai operasi dan wakil agensi utama secara giliran.

(v) Pelan komunikasi dan koordinasi

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri menggunakan kemudahan teknologi komunikasi melalui Kumpulan Whatsapp untuk mengemas kini maklumat dan amaran awal bencana bagi memastikan semua agensi terutamanya agensi tindak balas sentiasa berwaspada dan bersiap sedia.

(vi) Bantuan Bencana dan Peruntukan Kewangan

Selain itu, bagi menjaga kebajikan sosial rakyat, Kerajaan Negeri juga bersiap sedia dari aspek bantuan kewangan kepada mangsa bencana kelak. Setakat Oktober 2025, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Bantuan Wang Ihsan (BWI) untuk tempoh MTL 2022/2023.

Daripada jumlah tersebut, RM270,000 telah dibelanjakan untuk pembayaran bantuan kepada mangsa terlibat, manakala baki peruntukan sebanyak RM1.73 juta masih tersedia untuk digunakan bagi menghadapi musim tengkujuh akan datang.

- a) Negara dijangka mula berhadapan dengan musim Monsun Timur Laut (MTL) pada awal November. Dengan jangkakan berlakunya La Niña pada penghujung tahun ini, Negara diramal menghadapi antara 5 ke 7 episod hujan lebat sepanjang tempoh MTL kali ini.

Suhu permukaan laut yang lebih panas daripada kebiasaan di rantau Asia Tenggara berpotensi mengaktifkan luruan angin MTL dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kekerapan episod hujan lebat di Negara kita.

Sekiranya luruan monsun kuat berlaku serentak dengan kewujudan sistem cuaca tekanan udara rendah di rantau ini, hujan monsun berkemungkinan menjadi lebih meluas dan berpanjangan. Keadaan ini akan meningkatkan risiko kejadian

banjir, terutamanya jika hujan lebat berterusan berlaku serentak dengan fenomena air pasang besar.

Sekiranya luruan monsun kuat berlaku dalam keadaan di mana sistem cuaca tekanan udara rendah wujud di rantau negara, hujan monsun boleh menjadi lebih menyeluruh dan berpanjangan. Risiko kejadian banjir besar akan meningkat sekiranya hujan lebat monsun berlaku serentak dengan kejadian air pasang besar.

Berdasarkan tinjauan cuaca terkini daripada model-model antarabangsa, kesan utama terhadap taburan hujan Negeri Pulau Pinang dijangka berada pada tahap normal berbanding purata jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, tinjauan cuaca ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa apabila maklumat baharu diperolehi.

Rujuk **LAMPIRAN A** untuk Maklumat Taburan Hujan di Pulau Pinang November 2025 hingga Mac 2026.

(Sumber : MET Malaysia)

- b) Dalam memastikan kesiapsiagaan negeri menghadapi sebarang kemungkinan bencana, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyusun sumber serta aset tindak balas pantas secara menyeluruh, bersepadu dan berterusan.

Persediaan aset dan tindakan semasa bencana diselaras melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Sekretariat kepada kedua-dua jawatankuasa ini adalah APM, seperti yang digariskan dalam Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

Pendekatan ini memastikan sebarang tindakan tindak balas dapat dijalankan secara teratur, bersepadu dan selaras antara semua agensi berkaitan. Merujuk kepada soalan ini, Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menggerakkan sumber dan aset MBPP bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah atau/dan Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR). Semu wakil agensi sentiasa berkomunikasi melalui aplikasi kumpulan Whatsapp bagi memastikan penyelarasan secara pantas di lapangan.

Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sumber dan aset tindak balas pantas disusun secara sistematik melalui pelbagai langkah. Antara tindakan dan gerak kerja yang disusun oleh MBSP adalah:

- i) MBSP telah menubuhkan Jabatan Pengurusan Krisis dengan kekuatan seramai 177 kakitangan serta 21 buah kenderaan pelbagai jenis termasuk grabber crane truck, RoRo truck, skylift, tanker, backhoe dan kenderaan pacuan empat roda. Pasukan ini beroperasi 24 jam sehari secara syif sepanjang tahun, termasuk pada hari cuti umum, bagi menangani aduan kecemasan di bawah bidang kuasa PBT seperti pokok tumbang dan penyelenggaraan longkang tersumbat;
- ii) MBSP turut menyediakan talian aduan bebas tol 1-800-88-6777 yang beroperasi 24 jam sehari bagi menerima laporan kecemasan berkaitan bidang kuasa majlis. Bagi mempercepatkan masa tindak balas, operasi turut dijalankan di ketiga-tiga daerah iaitu Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betik (SPT), Taman Bertam Flora (SPU) dan Taman Nuri (SPS);
- iii) MBSP juga mewajibkan semua 29 kontraktor pembersihan yang dilantik untuk mewujudkan pasukan tindak balas (Response Team) dan beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Arahan turut dikeluarkan kepada semua kontraktor untuk segera menjalankan pembersihan

longkang dan perangkap sampah di kawasan masing-masing setiap kali selepas hujan;

- iv) Bagi tempoh selepas waktu rutin operasi (4.00 petang hingga 7.00 pagi), MBSP menempatkan pasukan Response Team melibatkan 224 orang kakitangan yang bertugas mengikut tujuh Depoh Parlimen bagi membersihkan halangan dalam longkang dan perangkap sampah semasa hujan lebat; dan
- v) MBSP memastikan pam dan trash rake di 28 buah rumah pam milik MBSP berfungsi secara 24 jam dengan 94 tenaga kerja bertugas secara tiga syif setiap hari sepanjang tahun. Skwad Penyelenggaraan Kejuruteraan turut bersedia 24 jam untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecemasan yang melibatkan keperluan teknikal, termasuk pembelian tahunan peralatan gergaji berantai bagi menghadapi insiden pokok tumbang.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut memainkan peranan penting dalam menyokong kesiapsiagaan negeri melalui penyusunan sumber dan aset tindak balas pantas yang berfokus kepada lima langkah utama.

- i. Pertama, JPS melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan, sungai dan sistem saliran di kawasan hotspot banjir bagi memastikan aliran air lancar serta mengurangkan risiko limpahan.
- ii. Pemeriksaan berkala ke atas stesen hidrologi dan sistem telemetri dilaksanakan bagi memastikan semua peralatan pemantauan paras air dan sistem amaran awal banjir berfungsi dengan baik untuk memberikan amaran tepat kepada pihak berkuasa serta penduduk setempat.
- iii. JPS turut menyediakan aset logistik dan peralatan operasi seperti pam air bergerak, lori, lori crane serta backhoe bagi

memastikan tindakan segera dapat dijalankan ketika berlaku banjir.

- iv. Maklumat kawasan banjir akan disalurkan secara langsung kepada Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) di peringkat negeri dan daerah bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh urusetia PKOB;
- v. Taklimat kesiapsiagaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah turut diadakan bagi memastikan penyelarasan tindakan antara semua agensi dan PBT dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan semua sumber, aset dan tenaga kerja daripada MBPP, MBSP dan JPS berada pada tahap kesiapsiagaan tertinggi. Melalui penyelarasan bersepadu antara agensi di peringkat negeri dan daerah, tindakan tindak balas pantas dapat dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan demi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat Pulau Pinang sentiasa terjamin.

- c) Mekanisme amaran awal berasaskan komuniti dilaksanakan melalui pelbagai saluran komunikasi rasmi dan massa bagi memastikan maklumat berkaitan amaran bencana dapat disampaikan kepada orang ramai dengan cepat, tepat dan meluas.

Hebahan amaran awal dibuat melalui media massa tradisional seperti akhbar, radio dan televisyen, serta media sosial rasmi seperti Facebook (FB), Instagram (IG), YouTube (YT) dan Twitter (TW/X). Pendekatan pelbagai saluran ini membolehkan maklumat sampai ke pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti di kawasan luar bandar.

Selain itu, orang ramai disarankan agar sentiasa peka terhadap sebarang perubahan cuaca dan mendapatkan maklumat dan amaran terkini melalui laman web rasmi, aplikasi myCuaca dan saluran media social rasmi MET Malaysia.

LAMPIRAN A**Maklumat Taburan Hujan di Pulau Pinang November 2025 hingga
Mac 2026**

Negeri	Daerah	Tempoh	Jangkaan Jumlah Hujan Bulanan (mm)	Tinjauan Cuaca (Pengelasan)
Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	November	190 – 280	Purata
		Disember	90 – 130	Purata
		Januari	60 – 90	Purata
		Februari	70 - 110	Purata
		Mac	110 - 170	Purata
	Seberang Perai Utara	November	200 - 310	Purata
		Disember	80 - 130	Purata
		Januari	60 - 100	Purata
		Februari	60 - 100	Purata
Mac	100 - 150	Purata		
Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan	November	200 - 300	Purata	
	Disember	100 – 150	Purata	
	Januari	80 - 120	Purata	
	Februari	70 - 100	Purata	
	Mac	110 - 170	Purata	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

18. Apakah langkah Kerajaan Negeri memulihkan kualiti sungai-sungai di Pulau Pinang agar menjadi sumber air alternatif kepada Sungai Muda?
- (a) Sungai manakah dikenal pasti berpotensi sebagai sumber air mentah selepas pemulihan?
 - (b) Berapakah peruntukan pembersihan dan pemantauan sejak 2023?
 - (c) Apakah tempoh sasaran mencapai Kelas II bagi sungai utama?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Melalui Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 dan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 yang diluluskan pada 22 Mei 2025, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang sebagai badan berkanun baharu. Lembaga ini akan berkuasa menguatkuasakan peraturan berkaitan pemuliharaan, pengurusan dan kawalan kualiti sumber air, termasuk pengawasan aktiviti yang menjejaskan sungai serta tindakan pembetulan di kawasan tadahan. Penguatkuasaan enakmen ini menandakan langkah penting dalam memperkukuh tadbir urus sumber air negeri melalui pendekatan kawal selia bersepadu dan pemuliharaan sungai sebagai sumber air alternatif yang mampan bagi masa hadapan.

Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah menyiapkan tiga (3) Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di Negeri Pulau Pinang iaitu:

- (i) IRBM Sungai Perai, Pulau Pinang/Kedah (2018)
- (ii) IRBM Sungai Muda, Pulau Pinang/Kedah (2019)
- (iii) IRBM Sungai Juru, Pulau Pinang (2021)

IRBM telah menggariskan pelbagai pelan tindakan untuk memastikan air yang mencukupi, air yang bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan persekitaran.

- (a) Sungai yang dikenal pasti berpotensi sebagai sumber air mentah selepas pemulihan adalah seperti berikut:
 - (i) Sungai Perai; dan
 - (ii) Sungai Kerian.
- (b) Peruntukan JPS bagi pembersihan dan pemantauan sejak 2023 bagi peruntukan pembangunan negeri dan pembangunan persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Tahun Peruntukan	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM)
Negeri (P08)	4,600,000.00	4,370,285.46	1,050,080.00
Persekutuan (P33)	3,130,545.22	4,710,000.00	2,540,000.00

Manakala semakan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) dengan Bahagian Air Marin, JAS Ibu Pejabat, anggaran kos pemantauan kualiti air sungai seluruh Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 8.1 juta.

- (c) Pemantauan berterusan dan program pembersihan yang dilaksanakan bersama agensi teknikal seperti JPSP dan JASPP akan menjadi asas dalam menentukan pelan

sasaran masa ke arah mencapai status Kelas II dalam jangka sederhana hingga panjang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

19. Senaraikan jumlah tangkapan murid yang dibuat di bawah akta ini sejak dikuatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sejak dikuatkuasakan sehingga kini.
- (a) Bagaimanakah keberkesanan akta ini sejak dikuatkuasakan dalam menurunkan penggunaan vape khususnya dalam kalangan murid di negeri ini?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap murid yang ditangkap?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, tiada data yang spesifik mengenai jumlah tangkapan atau notis kesalahan yang dikeluarkan di bawah Akta 852 kepada murid yang menggunakan produk merokok diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri. Namun begitu, data yang berkaitan kesalahan melibatkan murid telah dilaporkan di dalam Sistem Pengurusan Sahsiah (IdME/MOEIS). Sehingga 28 Oktober 2025 sistem menunjukkan seramai 56 orang murid telah terlibat dengan kes rokok dan 594 orang murid terlibat dengan kes rokok elektronik.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang telah berusaha meningkatkan kerjasama dengan agensi lain khususnya Jabatan Kesihatan Negeri

(JKN) Pulau Pinang dalam memberi penjelasan dan kesedaran berkaitan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang melibatkan program advokasi dan pengurusan kes murid ditangkap (intervensi).

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Kesihatan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bekerjasama dengan pihak berkuasa persekutuan untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852). Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) akan turut melaksanakan program intervensi di sekolah bagi mendidik murid tentang bahaya merokok dan membantu para murid untuk berhenti merokok. Selain itu, murid yang ditangkap merokok akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk mendapatkan bantuan dan intervensi.

Di samping itu, tindakan seterusnya berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 4 Tahun 1997 bertajuk Hukuman Ke Atas Murid Menghisap Rokok yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperincikan langkah-langkah dan hukuman yang perlu dikenakan kepada murid yang didapati bersalah menghisap rokok dan menangani gejala merokok dalam kalangan murid serta mengukuhkan disiplin sekolah. SPI Bil. 4 Tahun 1997 menetapkan hukuman yang progresif bermula daripada tindakan ringan hingga yang lebih berat berdasarkan kekerapan kesalahan iaitu bagi kesalahan kali pertama akan dirotan satu (1) kali. Kesalahan kali kedua akan dirotan dua (2) kali. Kesalahan kali ketiga akan dirotan 3 kali. Kesalahan kali keempat akan digantung persekolah (tidak melebihi 14 hari). Kesalahan kelima akan dibuang sekolah.

Tambahannya, KPM juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 17 Tahun 2015, bertajuk Larangan Penggunaan Rokok Elektronik Atau Vape Di Sekolah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengarahkan semua institusi

pendidikan di bawah kementerian supaya melarang penggunaan rokok elektronik dan vape. Pekeliling ini bertujuan untuk menangani gejala penggunaan peranti tersebut yang mula menular dalam kalangan murid sekolah. Walaupun begitu, hukuman terhadap penggunaan rokok elektronik dan vape kini turut dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024. Akta baharu ini memberikan kuasa undang-undang yang lebih kukuh untuk mengenakan tindakan tegas termasuk denda dan penjara kepada sesiapa sahaja termasuk guru dan murid yang melanggar larangan ini di kawasan sekolah. Oleh itu, pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) sedang dilakukan untuk memasukkan peruntukan larangan merokok dan vape secara khusus.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

20. Senaraikan kes jenayah yang membabitkan pekerja asing mengikut daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini.
- (a) Apakah penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku lambakan pekerja asing?
 - (b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Kes jenayah yang membabitkan pekerja asing mengikut daerah di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Penguatkuasaan bagi memastikan tidak berlaku lambakan pekerja asing adalah bukan di bawah bidang kuasa Imigresen sepenuhnya, walau bagaimanapun Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Pulau Pinang melaksanakan penguatkuasaan bersepadu secara berkala melalui beberapa operasi seperti Ops Sapu, Ops Patuh dan Ops Mega 3.0 di lokasi tumpuan pekerja asing seperti kawasan perindustrian, tapak pembinaan, pasar dan lain-lain.

(b) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan adalah seperti berikut:

(i) Pemerkasaan Pendidikan & Latihan Teknikal-Vokasional (TVET)

Pulau Pinang menyambut baik peruntukan tambahan bernilai RM200 juta untuk memperkukuh bidang TVET, yang dilihat sebagai langkah penting untuk “mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing” dengan melahirkan lebih ramai pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi.

- 1) Ini memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mengisi pekerjaan dalam sektor perkilangan (termasuk elektronik/semikonduktor) yang sebelumnya mungkin diisi oleh pekerja asing.
- 2) Kesan: lebih banyak tenaga kerja tempatan yang bersedia dan layak untuk industri berintensif buruh mahir.

(ii) Kempen “Ambil Pekerja Lokal” / Penggalakan Gajikan Warga Tempatan

Contoh: Dalam negeri Pulau Pinang, melalui PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia telah dilancarkan Kempen Ambil Pekerja Lokal bagi menggalakkan majikan mengutamakan pekerja tempatan supaya kebergantungan kepada pekerja asing berkurang.

- 1) Contoh program yang menghubungkan pencari kerja tempatan dengan majikan, menyediakan bengkel temuduga, kursus persediaan dsb.
- 2) Memberi ruang kepada majikan untuk memilih pekerja tempatan dahulu.

(iii) Penggalakan Automasi & Teknologi dalam Industri Perkilangan

Pada skala nasional (dan relevan untuk Pulau Pinang sebagai negeri industri), kerajaan telah menyebut bahawa: “meningkatkan automasi dalam kalangan syarikat-syarikat bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing”.

- 1) Dengan automasi & teknologi tinggi, syarikat bergantung kurang kepada buruh rendah/kasar (termasuk asing) dan lebih kepada pekerja mahir tempatan.
- 2) Industri di Pulau Pinang (termasuk sektor semikonduktor) antara sasaran untuk bergerak ke arah ini.

(iv) Pembangunan Infrastruktur Kediaman & Asrama Terkawal untuk Pekerja Asing

Walaupun ini mungkin dilihat sebagai langkah pengurusan pekerja asing, ia juga mencerminkan pengurusan lebih sistematik terhadap pekerja asing dan memberi isyarat bahawa negeri mengambil serius pengurusan tenaga asing.

Contoh: Pembangunan asrama pekerja yang boleh menempatkan 8,000 pekerja asing di Pulau Pinang.

- 1) Dengan pengurusan yang baik, negeri boleh lebih mudah memantau bilangan pekerja asing, dan bagi majikan pula, memahami kos & pematuhan — yang mungkin menyokong usaha menggantikan sebahagian kebergantungan dengan pekerja tempatan.
- 2) Walaupun bukan terus “menggantikan”, ia menunjukkan kawalan terhadap penggunaan pekerja asing.

**KES JENAYAH YANG MEMBABITKAN PEKERJA ASING MENGIKUT DAERAH
DI PULAU PINANG SEJAK TAHUN 2022 HINGGA 2025**

KATEGORI JENAYAH	DAERAH TIMUR LAUT				DAERAH BARAT DAYA				SBG PERAI UTARA				SBG PERAI TENGAH				SBG PERAI SELATAN				JUMLAH KESELURUHAN			
	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025	2022	2023	2024	2025
BUNUH					4		9					1	1	4	1	10	7	9	2	4	12	13	12	15
ROGOL	4	1	2		1	1				1		7	5		1	1		1			10	4	3	8
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	4	4	6	3	3			6	17			14	7		1	7				2	31	4	7	32
SAMUN TANPA S/API	2	3	1	2				4	3		2		6	1		1	2				13	4	3	7
MENCEDERAKAN	23	32	21	14	3	3	3	1	14	5	8	4	25	19	5	12	10	6	4	2	75	65	41	33
LAIN-LAIN KECURIAN	23	39	23	27	3	7	27	8	3	12	20	10	25	26	27	11	4	2	13	3	58	86	110	59
CURI MOTOKAR	1								1	1						2	1	6			8	1	2	1
CURI MOTOSIKAL	1	2	3	4	4	1		1	1	3	4	3	4	2	2	4		1		1	10	9	9	13
CURI VAN / LORI / JENTERA BERAT													1								1	0	0	0
PECAH RUMAH	1	7	3	1	1	1	11		5	10	13	6	6	11	3		1	1	5	1	14	30	35	8
MERUSUH	1	15	17	20	2			3	9				18	1		2	13		4		43	16	21	25
CULIK			3					4		3	3		6	3	3	5					6	6	9	9
CUBA BUNUH			1			1			1												0	2	1	0
PEMERASAN	5	2		1	2		1		1		1		2	4							10	6	2	1
UGUTAN JENAYAH	13	25	24	11	4	4			3	2	5		8	3			2	1	1	2	30	35	30	13
CABUL	6	7	8		3	5	1		1		1		5	3	1		2	3	2		17	18	13	0
KEGANASAN RUMAHTANGGA	2	2	5		1				1	3	3	2	2					1	1		4	8	9	2
KHIANAT	1	4	4	3	1				1	1	3	1	1		1				1		4	5	9	4
MENGHALANG PENJAWAT AWAM	4												1								4	1	0	0
PENDERAAN KANAK-KANAK		1	1			1	1						1								0	3	2	0
AKTA BARANG-BARANG LUSUH						1															0	1	0	0
AKTA BAHAN HAKISAN DAN LETUPAN									1												0	1	0	0
MEMILIKI SENJATAPI TANPA KEBENARAN SAH																2					0	0	0	2
MEMILIKI DAN MENGIMPORT SENJATA TIRUAN																				4	0	0	0	4
PEMERDAGANGAN MANUSIA DAN PENYULUDUPAN MIGRAN				2			2				1				3						0	0	6	2
JUMLAH JENAYAH	91	144	122	88	32	25	55	27	60	43	64	48	120	81	50	56	47	25	33	19	350	318	324	238

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

21. Kenaikan cukai tanah yang mendadak memberi kesan kepada rakyat ketika kos sara hidup dan inflasi semakin tinggi.
- (a) Apakah kajian impak sosial dan ekonomi yang telah dilakukan sebelum pengumuman kenaikan ini?
 - (b) Bagaimanakah mekanisme rebat cukai yang akan dilaksanakan dan siapa penerimanya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. (a) Berikut adalah kajian impak sosial dan ekonomi yang telah dilakukan sebelum pengumuman kenaikan ini.
- (i) **Kesan terhadap sektor ekonomi utama**
Penilaian melibatkan impak sosio-ekonomi terhadap sektor pertanian, perumahan, dan perniagaan kecil.
 - (ii) **Perbandingan kadar cukai antara negeri-negeri lain**
Penilaian bagi memastikan semakan kekal berdaya saing dan munasabah.
 - (iii) **Analisis kemampuan bayar**
Menilai kesan kepada pemilik tanah mengikut kategori penggunaan tanah.

(iv) **Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan**

Penilaian oleh PBT dan wakil komuniti bagi mendapatkan maklum balas langsung.

(v) **Penilaian Langkah Mitigasi**

Mencadangkan mekanisme rebat, pengecualian dan kadar minimum bagi melindungi kumpulan B40 dan pesawah kecil.

- (b) Kerajaan Negeri bersetuju memberikan rebat cukai untuk mengurangkan beban kewangan terutamanya pemilik tanah dan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang yang terkesan akibat pelarasan kadar baharu selepas lebih 30 tahun kadar lama tidak disemak. Antara mekanisme rebat cukai yang akan dilaksanakan adalah:

(i) **Rebat Cukai Tanah**

Rebat akan dikreditkan secara automatik ke dalam bil cukai tanah tahunan (tidak perlu permohonan manual oleh pemilik). Sistem e-Tanah akan dikemaskini untuk menolak amaun rebat secara automatik semasa cetakan bil. Pemilik tanah hanya perlu menjelaskan baki selepas rebat. Antara rebat yang diberikan adalah seperti dibawah:

- 1) Tahun pertama: 32.5%
- 2) Tahun kedua: 20%
- 3) Tahun ketiga: 20%

(ii) **Pengecualian Tunggakan Denda Lewat**

Pengecualian penuh (100%) tunggakan denda lewat diberikan bagi tempoh dari 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

(iii) **Diskaun Premium**

Permohonan tukar kategori tanah dan syarat nyata pertanian kepada bangunan untuk kediaman sahaja iaitu:

- 1) Tukar kategori tanah pertanian kepada bangunan dengan kadar premium yang rendah.
- 2) Permohonan pindaan syarat nyata daripada *first grade* atau *condition A/B/C* kepada kategori mengikut Kanun Tanah Negara/ Bangunan untuk kediaman.

(iv) **Pemberian pelbagai cenderahati**

Dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar cukai tanah dan cukai petak strata melalui Aplikasi PG Land secara dalam talian (online). Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian (online) dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

22. Nyatakan jumlah belia yang terlibat dengan ekonomi *gig* di Pulau Pinang dari tahun 2022 hingga kini.
- (a) Apakah inisiatif dan peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan belia yang terlibat dalam bidang ini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat masa ini tidak mempunyai data secara tepat atau rasmi berkaitan jumlah keseluruhan belia yang terlibat dengan ekonomi *gig* di negeri ini. Namun, berdasarkan statistik PERKESO, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025, seramai 846,907 Orang Bekerja Sendiri (OBS) termasuk belia mendaftar dan mencarum secara aktif di bawah LINDUNG Kendiri. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,589 terlibat dalam ekonomi *gig* di negeri Pulau Pinang. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO sentiasa mengambil langkah strategik bagi memastikan lebih ramai pekerja sektor tidak formal, termasuk belia yang terlibat dalam ekonomi *gig* mendapat perlindungan sosial di bawah LINDUNG Kendiri.
- (a) Antaranya inisiatif yang dilaksanakan bagi menyokong golongan belia yang terlibat di dalam ekonomi *gig* ini adalah seperti pelaksanaan program libat urus bagi meningkatkan kesedaran pekerja *gig*.

Beberapa program telah dilaksanakan bagi mendengar terus isu-isu semasa yang ingin dibangkitkan oleh belia yang terlibat dalam ekonomi *gig* seperti Program Sembang Teh Tarik yang melibatkan seramai 1,000 orang pekerja *gig*, Program Penang Rider Jalan Teruih yang dihadiri seramai 1,000 orang *rider* dan Program *Meet & Greet* yang dilaksanakan pada 11 Oktober 2025 yang lalu dengan kerjasama Pertubuhan Santai Anak Utara (SAU) di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar Perlis yang melibatkan seramai 4,521 orang *rider* termasuk pekerja *gig*.

Selain itu, KESUMA melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan khas di bawah Belanjawan 2025 untuk membantu golongan belia yang terlibat dalam bidang ini seperti melaksanakan Program Skim Perlindungan Sosial (SPS) merupakan insentif bayaran caruman 70 peratus iaitu RM162.80 dibiayai oleh Kerajaan, manakala OBS hanya perlu membayar sebanyak 30 peratus iaitu sebanyak RM70.00 sahaja.

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 26 Oktober 2025, seramai 65,087 OBS termasuk pekerja *gig* telah menerima manfaat di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,012 orang mewakili Negeri Pulau Pinang dengan jumlah bayaran insentif sebanyak RM979 ribu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

23. Sejauh manakah perkembangan projek pengambilan air dari Sungai Perak bagi menampung keperluan bekalan air jangka panjang Negeri Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan garis masa untuk projek ini.
 - (b) Apakah halangan dan cabaran untuk projek ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Perkembangan projek pengambilan air dari Sungai Perak bagi menampung keperluan bekalan air jangka panjang Negeri Pulau Pinang kini berada pada peringkat rundingan rasmi antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri Perak telah melantik Konsortium Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) – Kumpulan Gamuda Berhad (PKNP-Gamuda) sebagai wakil rasmi negeri tersebut untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Beberapa siri mesyuarat rundingan telah diadakan bagi membincangkan terma, mekanisme serta implikasi pelaksanaan projek berkenaan. Melalui Mesyuarat Rundingan Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah diadakan pada 10 Oktober 2025, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan secara dasar yang akan dijadikan asas pertimbangan oleh Kerajaan Negeri Pulau

Pinang dalam membuat keputusan berhubung cadangan pembelian air terawat daripada Kerajaan Negeri Perak.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Konsortium PKNPk-Gamuda pada 6 November 2025 bagi projek pembekalan air terawat dari Sungai Perak. Dengan termeterainya MoU ini, ianya bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari daripada Negeri Perak mulai tahun 2031, dan juga akses kepada sumber air utama kedua yang amat penting bagi memenuhi keperluan jangka panjang kepada Negeri Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri mengakui bahawa terdapat beberapa halangan dan cabaran yang perlu diteliti dengan cermat dalam proses pelaksanaan cadangan pembelian air terawat dari Negeri Perak ini.

Antaranya termasuklah keperluan untuk menyelaraskan terma teknikal dan kewangan antara kedua-dua Kerajaan Negeri bagi memastikan jaminan bekalan air yang mencukupi dan berterusan bagi menampung keperluan semasa dan masa hadapan rakyat Pulau Pinang serta memastikan kadar dan mekanisme pembayaran yang dipersetujui adalah munasabah dan mampan dalam jangka panjang.

Namun demikian, semua cabaran ini sedang ditangani secara berhemah melalui rundingan berterusan antara kedua-dua pihak bagi memastikan hasil yang dicapai kelak bersifat menang-menang (*win-win*) dan memberi manfaat bersama kepada Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil akan berdasarkan analisis teknikal, kewangan dan strategik yang menyeluruh bagi menjamin kepentingan jangka panjang rakyat dan kelestarian sumber air Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

24. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan garis panduan atau zon khas bagi menghadkan operasi pusat hiburan dan penjualan arak agar tidak menjejaskan keharmonian komuniti pelbagai kaum dan agama?
- (a) Apakah syarat yang dikenakan kepada premis yang menjual arak termasuk kedai serbaneka 24 jam sebelum beroperasi?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai peruntukan undang-undang seperti Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 (Enakmen 1/1198) dan Peraturan-peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001 bagi mengawal selia operasi pusat hiburan.

Manakala bagi aktiviti penjualan arak, pengoperasiannya adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang yang dikelola oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang selaras dengan kuasa pelesenan yang diperuntukkan di bawah Akta Eksais 1976 [AKTA 176].

Tambahan lagi, setiap permohonan bagi pengoperasian pusat hiburan dan menjalankan aktiviti penjualan arak akan dirujuk kepada jabatan-jabatan berkaitan termasuk PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau

Pinang serta Pejabat Daerah dan Tanah bagi mendapatkan ulasan berhubung kesesuaian lokasi, keselamatan, sensitiviti masyarakat setempat dan kepatuhan terhadap peraturan sedia ada.

Tempoh pengoperasian bagi aktiviti penjualan arak secara runcit di kawasan pentadbiran kedua-dua PBT hanya dibenarkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 9.00 malam termasuk premis yang beroperasi 24 jam.

Syarat tempoh pengoperasian aktiviti hiburan adalah seperti berikut:

Jenis Aktiviti	Hari	Tempoh Masa yang Dibenarkan	Hari	Tempoh Masa yang Dibenarkan
	MBPP		MBSP	
Mesin simulator/mesin mencuba nasib	Isnin sehingga Ahad	10.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam	Ahad sehingga Khamis	2.00 petang sehingga 12.00 tengah malam
			Jumaat dan Sabtu	2.00 petang sehingga 2.00 pagi
Lain-lain	Isnin sehingga Ahad	8.00 malam sehingga 3.00 pagi	Isnin sehingga Khamis	2.00 petang sehingga 2.00 pagi
			Jumaat, Sabtu dan Ahad	2.00 petang sehingga 3.00

(a) Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh premis bagi penjualan arak adalah seperti berikut:

- (i) Mempunyai sijil pendaftaran syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (ii) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Mendapatkan kelulusan lesen penjualan arak daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang;

- (iv) Mendapatkan kelulusan lesen premis dan iklan daripada PBT;
- (v) Tidak membenarkan permohonan baharu yang berada di dalam jarak radius kurang 250 meter dari rumah kediaman, rumah ibadat, pusat pendidikan dan padang permainan;
- (vi) Tidak membenarkan permohonan baharu untuk premis perniagaan yang berada di bawah flat, apartment, kondominium atau rumah kediaman yang sama jenis;
- (vii) Menyediakan papan tanda yang mempamerkan tempoh masa jualan arak dan larangan penjualan arak kepada pelanggan yang berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam;
- (viii) Tidak membenarkan aktiviti penjualan arak bersama dengan barangan jualan lain di premis kedai-kedai runcit dan kedai serbaneka;
- (ix) Menempatkan arak di setiap kabinet yang dikunci selepas tempoh penjualan arak; dan
- (x) Tidak membenarkan penjualan/pembekalan arak kepada pelanggan berusia 21 tahun ke bawah atau seseorang yang beragama Islam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

25. Senaraikan jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu bawah pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga kini.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung kes kemalangan jalan raya yang diakibatkan oleh pemandu yang mabuk?
 - (b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri yang diberikan kepada keluarga mangsa terutamanya yang meninggal dunia?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol dari tahun 2022 hingga Oktober 2025 merujuk kepada statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Kes Kemalangan Jalan Raya Yang Melibatkan Pemandu Di Bawah Pengaruh Alkohol Dari Tahun 2022 Hingga Oktober 2025

TAHUN	2022	2023	2024	2025
Jumlah kes kemalangan jalan raya	5	5	4	6

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang telah mengenal pasti beberapa lokasi yang sering digunakan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol serta waktu yang kerap berlakunya kemalangan melibatkan pemandu dalam keadaan mabuk.

Sehingga Oktober 2025, sebanyak 59 operasi telah dijalankan dan hasilnya 45 tangkapan telah dibuat di bawah Seksyen 45(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987) terhadap pemandu dan penunggang kenderaan yang didapati memandu di bawah pengaruh alkohol.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang telah mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi Bayaran Mangsa Bencana Meninggal Dunia sebagai bantuan khas kepada keluarga terdekat mangsa. Bantuan ini diberikan secara bayaran sekali (*one-off*) berjumlah RM1,000.00 kepada waris terdekat mangsa yang meninggal dunia akibat kemalangan, kebakaran, lemas atau kejadian lain mengikut keadaan semasa. Selain itu, jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan tidak melebihi RM2,000.00 bagi satu-satu keluarga, bergantung kepada tahap keperluan dan penilaian kes. Inisiatif ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan keluarga yang terkesan dengan kehilangan ahli keluarga akibat bencana yang tidak diduga.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

26. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan sukan bola sepak di Pulau Pinang bagi tahun 2024 dan 2025?
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri menggalakkan rakyat tempatan berdaya saing dalam sukan ini khususnya di daerah dan komuniti?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi penambahbaikan infrastruktur sukan ini di seluruh daerah dan komuniti?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) serta pihak-pihak berkaitan sentiasa komited dalam membangunkan sukan bola sepak di negeri ini.

Antara langkah-langkah yang diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Penyaluran bantuan kewangan untuk pemerkasaan program pembangunan bakat-bakat muda melalui kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang serta kelab-kelab bola sepak tempatan untuk menganjurkan klinik bola sepak, akademi latihan bola sepak, serta penganjuran pertandingan peringkat akar umbi;

- (ii) Memberi sokongan serta dana kewangan kepada pasukan yang mewakili negeri Pulau Pinang dalam kejohanan Liga-Liga dibawah pengiktirafan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM);
 - (iii) Menaik taraf kemudahan infrastruktur sukan negeri seperti naik taraf stadium bola sepak, padang bola sepak peringkat komuniti serta lain-lain kemudahan sokongan termasuk penyaluran bantuan peralatan latihan dan pertandingan;
 - (iv) Mengerat dan menjalin hubungan kerjasama strategik bersama dengan Badan Bola Sepak Kebangsaan seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Malaysia Football League (MFL) dan lain-lain lagi; dan
 - (v) Memperkasakan program pendidikan dan ilmu latihan kejurulatihan kepada Jurulatih bola sepak tempatan.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MSNPP sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Negeri dalam menganjurkan klinik-klinik Pengenalan Sukan di pelbagai lokasi dan lokaliti tempatan bagi menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi untuk merangsang penjanaan bilangan atlet-atlet pelapis negeri.

Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan platform bersukan selain memberi pengenalan serta pendedahan awal kepada masyarakat tentang aktiviti - aktiviti sukan yang boleh diceburi oleh anak-anak muda Negeri Pulau Pinang.

- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi membangunkan fasiliti sukan bola sepak, terdapat beberapa projek yang sedang dilaksanakan dan dinaik taraf, seperti Kompleks Sukan Sony, Seberang Jaya, menaik taraf Stadium Negeri Pulau Pinang, menaik taraf Stadium Bandaraya Pulau Pinang dan sebagainya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

27. Berapakah jumlah kilang yang dikenakan tindakan atas kesalahan pencemaran udara, bau dan air sejak tahun 2022 sehingga kini?
- (a) Apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh JAS Pulau Pinang?
- (b) Apakah langkah pemantauan berterusan yang dilaksanakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) yang dikenakan tindakan atas kesalahan melakukan pencemaran sejak tahun 2022 sehingga kini adalah seperti berikut :
- Tahun 2022 : 380 premis
 - Tahun 2023 : 229 premis
 - Tahun 2024 : 317 premis
 - Tahun 2025 sehingga 24 Oktober 2025 : 241 premis
- (a) Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap premis adalah seperti berikut :
- (i) *Field Citation* (Arahan di lapangan);
- (ii) Notis Arahan di bawah Seksyen 31, AKAS 1974;

- (iii) Notis Arahan di bawah Seksyen 37, AKAS 1974;
 - (iv) Penahanan Operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a), AKAS 1974;
 - (v) Perintah Larangan di bawah Seksyen 31A atau Seksyen 34AA, AKAS 1974; dan
 - (vi) Tindakan mahkamah.
- (b) Bagi langkah pemantauan berterusan, Jabatan ini menguatkuasakan Seksyen 49A, AKAS 1974 iaitu pihak premis perlu melantik Orang Yang Berwibawa (Competent Person) yang diperakukan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk menjalankan aktiviti berikut :
- (i) Pengendalian kelengkapan kawalan;
 - (ii) Pengurusan buangan terjadual;
 - (iii) Menjalankan kajian; dan
 - (iv) Penyediaan dan pengemukaan laporan atau dokumen berkaitan alam sekeliling.

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar juga telah memperkenalkan pelaporan secara digital bagi pelaporan secara sendiri oleh Competent Person melalui Sistem Aplikasi Alam Sekitar seperti berikut :

- (i) *Online Environmental Reporting (OER)*;
- (ii) *Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)*;
- (iii) MyPremis; dan
- (iv) *Continous Emission Monitoring System (CEMS)*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

28. Nyatakan statistik masalah pengangguran dalam kalangan belia di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan dan membantu golongan belia dalam sektor ekonomi digital atau e-dagang?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Berdasarkan statistik PERKESO, jumlah pengangguran dalam kalangan belia di Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pengangguran Belia
2022	1,271
2023	3,711
2024	7,508
2025 (Sehingga Oktober)	3,490
Jumlah Keseluruhan	15,980

- (a) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu belia keluar daripada masalah pengangguran.

Program StartupPenang500 telah berjaya dilaksanakan bagi tahun ini dengan bertujuan memupuk minat serta membangunkan syarikat pemula dalam kalangan belia melalui pendedahan kepada inovasi, bimbingan industri dan akses kepada ekosistem digital terutamanya pelajar univervisiti awam dan swasta.

Selain itu juga, program keusahawanan turut dilaksanakan bagi membantu belia negeri ini kepada perniagaan sendiri seperti program e-dagang dan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) yang dilaksanakan oleh Digital Penang, Pejabat Daerah dan Tanah serta Jawatankuasa MMK Keusahawanan dan Luar Bandar.

Bukan itu sahaja, inisiatif lain juga turut dilaksanakan oleh PERKESO seperti melaksanakan karnival kerjaya, menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam portal dan aplikasi mudah alih serta menyediakan Pusat Satelit sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah melaksanakan program berasaskan e-dagang yang memberi manfaat kepada pelbagai syarikat dan belia, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Digital Penang juga telah berkolaborasi dengan platform e-dagang utama di Malaysia seperti TikTok dan Lazada melalui penganjuran program seperti TikTok Ads Seminar, TikTok *Shop Northern Roadshow*, Lazada *Masterclass Training*, dan Lazada *Teh Tarik Session*.

Kesemua program ini telah berjaya membimbing lebih daripada 400 peserta, dengan fokus kepada peningkatan kemahiran pemasaran digital, strategi jualan atas talian, serta penggunaan platform e-dagang secara berkesan bagi memperluas pasaran dan meningkatkan daya saing perniagaan tempatan.

Kerajaan Negeri turut memberikan geran kepada persatuan dan pertubuhan bagi melaksanakan program keusahawanan secara dalam talian sebagai usaha

menggalakkan penglibatan belia dalam sektor ekonomi digital dan e-dagang. Inisiatif ini memberi ruang kepada golongan belia untuk mempromosikan produk dan memasarkan perniagaan melalui platform digital, sekaligus meningkatkan kemahiran mereka dalam pemasaran moden dan pengurusan digital.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

29. Senaraikan bilangan kawasan cerun Kelas III/IV yang terdapat di Pulau Pinang dan status risikonya.
- (a) Apakah intervensi segera di lokasi kritikal?
 - (b) Bagaimana sistem siren / hujan setempat dipasang dan diuji?
 - (c) Bilakah garis masa penambahbaikan struktur / saluran disiapkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Bilangan Kawasan cerun Kelas III/IV dibawah seliaan JKR dan status risikonya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Antara langkah-langkah intervensi segera di lokasi kritikal adalah seperti berikut :
 - (i) Kerja-kerja penstabilan segera dilaksanakan di cerun berisiko tinggi melalui tindakan Emergency Works seperti:
 - 1) Pembinaan tembok penahan (retaining wall) atau *soil nail* di lokasi runtuhan;

- 2) Pembersihan runtuh dan pemasangan longkang permukaan serta *subdrain* untuk kawalan air larian;
 - 3) Pemasangan kain geotekstil, *gabion wall* dan *shotcrete* bagi menahan hakisan serta kegagalan cerun.
- (ii) Pemantauan berkala dijalankan oleh konsesi penyelenggaraan bagi jalan persekutuan dan di peringkat JKR Daerah bagi jalan negeri untuk melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan analisis berkala terhadap lokasi-lokasi cerun berisiko dan untuk memastikan tindakan pembaikan dapat dilaksanakan dengan segera apabila diperlukan.
- (b) Pada masa ini, tiada sistem siren atau sistem amaran hujan setempat yang dipasang oleh pihak JKR Pulau Pinang.
- (c) Bagi kerja-kerja pembaikan kecemasan (*emergency works*) di lokasi cerun yang runtuh atau mengalami kegagalan struktur, tempoh siap bergantung kepada tahap kerosakan dan keadaan lokasi tertakluk kepada cuaca dan tahap akses di tapak.

LAMPIRAN A

Bilangan kawasan cerun Kelas III/IV dibawah seliaan JKR dan status risikonya

KATEGORI/KELAS	SLOPE RISK	BILANGAN CERUN
JKR DAERAH TIMUR LAUT (JALAN NEGERI)		
KELAS III	HIGH	3
KELAS IV	VERY HIGH	32
JKR DAERAH TIMUR LAUT (JALAN PERSEKUTUAN)		
KELAS III	HIGH	8
KELAS IV	VERY HIGH	8
JKR DAERAH BARAT DAYA (JALAN NEGERI)		
KELAS III	HIGH	3
KELAS IV	VERY HIGH	26
JKR DAERAH BARAT DAYA (JALAN PERSEKUTUAN)		
KELAS III	HIGH	27
KELAS IV	VERY HIGH	28